



# **BAB PERTAMA**

PENDAHULUAN

## BAB PERTAMA : PENDAHULUAN

### 1.0 LATAR BELAKANG DAN PERMASALAHAN KAJIAN

Peradaban Islam Melaka melambangkan warisan gemilang yang amat bernilai dalam peradaban bangsa. Bermula dari pengkalan nelayan yang mundur dan tidak ternama, akhirnya ia muncul sebagai sebuah kuasa dan emporium perdagangan yang terbilang. Kedudukannya yang strategik menjadikannya sebagai laluan yang terpenting bagi pedagang-pedagang dari timur dan barat.

Kedatangan Islam telah memantapkan lagi keunggulan peradabannya sekaligus menjadikan Melaka sebagai menara Peradaban Islam pertama di alam Melayu. Sebagai negara yang menerima Islam, ia menjadi tumpuan pedagang-pedagang Islam yang menguasai jalan perdagangan pada ketika itu. Penerimaan Islam dan kepesatan peradabannya yang mempertemukan nilai-nilai budaya tempatan dengan kepelbagaiannya nilai budaya pendatang menyedarkan Peradaban Islam Melaka akan kepentingan keilmuan dan keintelektualan. Di puncak peradabannya, Melaka muncul sebagai pusat pengajian yang mempunyai hubungan intelektual secara langsung dengan Mekah dan Pasai. Penghormatan yang tinggi terhadap ilmu dan ulama telah mengukuhkan lagi paksi Peradaban Islam Melaka. Kewujudan bahasa Melayu dan perkembangan sistem tulisan Jawi telah memantapkan tradisi persuratan dan kesusastraan melayu.

Sebagai negara yang berperadaban tinggi, Peradaban Islam Melaka dilengkapi dengan aturan-aturan pemerintahan berdasarkan *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka* yang mempunyai unsur-unsur keislaman. Penyusunan undang-undang ini

memperlihatkan bahawa pihak pemerintah berusaha untuk menjamin ketenteraman Peradaban Islam Melaka yang sentiasa dikunjungi oleh pelbagai bangsa. Kemakmuran Peradaban Islam Melaka juga diperkuuh dengan kecekapan dan keberkesanan sistem politik negara. Ketinggian peradabannya menjadikan Melaka negara yang digeruni musuh-musuh tradisinya. Oleh itu, zaman keagungan Melaka ditandai dengan peluasan kuasa politik ke seluruh wilayah Tanah Melayu dan kawasan-kawasan sekitarnya.

Dalam tradisi penulisan historiografi Melayu, Peradaban Islam Melaka sering ditonjolkan sebagai pusat Peradaban Islam yang unggul di alam Melayu. Keterampilan dan kemakmuran Melaka turut disahkan oleh penulis-penulis asing, seperti Tome Pires, Duarte Barbosa, dan sebagainya. Sebagai negara yang telah membina peradabannya lebih daripada satu dekad, Melaka telah melahirkan ciri-ciri Peradaban Melayu Islam yang tinggi dan unggul. Sesungguhnya, episod-episod gemilang yang dilalui oleh Peradaban Islam Melaka menjadi kebanggaan dan aspirasi kepada generasi pada masa depan.

Kehebatan dan keunggulan Peradaban Islam Melaka di persada antarabangsa tidak memungkinkan ia akan jatuh di tangan sebuah kuasa yang masih terlalu muda. Namun, telah menjadi hukum alam, setiap yang terbina pasti akan runtuh. Dunia menyaksikan Peradaban Islam Melaka tewas di tangan Portugis pada tahun 1511. Kejatuhan Peradaban Islam Melaka memberikan kesan yang amat mendalam kepada sejarah Nusantara khasnya, dan sejarah dunia amnya. Dalam banyak perkara, kejatuhan Peradaban Islam Melaka menandakan berakhirnya satu era dan bermulanya era baru dalam rakaman sejarah peradaban manusia.

Jika diteliti, kemerosotan dan keruntuhan sesebuah peradaban adalah fenomena semula jadi yang tidak dapat dielakkan. Sejarah peradaban manusia menunjukkan bahawa semua peradaban dunia terpaksa melalui peringkat ini apabila tiba waktu yang dijanjikan. Sebelum sesebuah peradaban itu musnah, simptom-simtom kelemahan telah jelas kelihatan. Walau sebesar mana pun usaha yang dilakukan untuk mengatasinya, namun keruntuhan tetap akan melanda.

## 1.1 PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini bertujuan untuk menjadikan kejatuhan Peradaban Islam Melaka sebagai pokok persoalan dengan tesis atau idea utamanya berdasarkan teori '*umran*' Ibn Khaldun. Kajian ini diharapkan dapat menjawab beberapa persoalan berikut :

1. Bolehkan teori '*umran*' Ibn Khaldun diaplikasikan dalam usaha untuk menganalisis fenomena kejatuhan Peradaban Islam Melaka ?
2. Adakah kelemahan faktor-faktor dalaman memungkinkan kejatuhan sesebuah peradaban ?
3. Adakah faktor-faktor luaran turut berperanan dalam menyebabkan kejatuhan tersebut ?
4. Adakah wujud keselarasan penegasan di antara ayat-ayat al-Quran dengan realiti sejarah dan konsep yang diutarakan oleh Ibn Khaldun ?

## 1.2 KEPENTINGAN KAJIAN

Setakat ini, belum ada kajian mendalam yang dilakukan yang menganalisis fenomena kejatuhan Peradaban Islam Melaka dan kebangkitan kuasa Portugis menerusi pendekatan kajian peradaban, khususnya teori kitaran. Kebanyakan hasil penulisan yang diketengahkan mengenai Peradaban Islam Melaka menggunakan pendekatan sejarah yang menyoroti sesuatu peristiwa secara kronologi. Para sarjana juga lebih cenderung membicarakan sumbangan dan idea Ibn Khaldun secara sendiri tanpa mengaplikasikannya secara diakronik sejarah perkembangan dan kejatuhan peradaban, khususnya di alam Melayu. Penulis merasakan perlu untuk mengisi kekosongan ini.

Kajian ini dapat menyumbang ke arah memahami faktor-faktor yang memungkinkan kemerosotan dan seterusnya keruntuhan sesebuah peradaban. Ia menjadi panduan bagi merekonstruksi semula peradaban yang dilakukan secara terancang mengikut acuan yang dikehendaki dengan mengambil kira kejayaan dan kesilapan pada masa silam sebagai landasan. Kajian ini juga amat wajar direnungi dan dimanfaati agar dapat menimbulkan keyakinan dalam usaha untuk menjana wawasan sebuah peradaban yang kukuh serta mampu bertahan lama pada abad kedua puluh satu nanti.

Sumbangan kajian ini juga diharapkan dapat membantu para penggubal polisi negara khususnya untuk merancang strategi pertumbuhan yang lebih efektif dan menyelesaikan permasalahan ekonomi, sosial, dan politik yang melanda masyarakat Malaysia kini. Analisis sebegini boleh dijadikan satu pengalaman dan memberikan satu bentuk keinsafan dalam usaha kita untuk mengharungi kehidupan yang mencabar ini.

### 1.3 TUMPUAN KAJIAN

Teori perkembangan dan kejatuhan peradaban telah dikemukakan oleh beberapa orang tokoh pemikir agung. Namun, kajian ini lebih berbentuk pendedahan terhadap teori ‘*umran*’ Ibn Khaldun. Memandangkan teori yang dikemukakan ini mempunyai skop yang amat mendalam, tidak mungkin penulis dapat membicarakannya secara keseluruhan dalam masa yang begitu singkat. Walaupun penulis memaparkan konsep ‘*umran*’ dan peringkat-peringkat perkembangannya, penekanan yang dirasakan relevan diberikan kepada pandangan beliau mengenai faktor-faktor yang memungkinkan kejatuhan sesebuah peradaban itu sendiri.

Setelah diteliti pandangan Ibn Khaldun yang menjadi kerangka teori kajian ini, ia akan disoroti secara diakronik sejarah faktor-faktor dalaman dan luaran yang menyumbang kepada keruntuhan Peradaban Islam Melaka. Pemilihan Peradaban Islam Melaka dibuat berdasarkan beberapa faktor, iaitu kemunculan Melaka sebagai menara Peradaban Islam pertama di alam Melayu, kedudukannya sebagai emporium perdagangan yang bertaraf antarabangsa, kewujudan satu bentuk kebudayaan yang gemilang hasil gabungan budaya tempatan dengan nilai-nilai pendatang, dan keunikan corak organisasi politik dan pentadbiran Peradaban Islam Melaka yang diwarisi oleh negeri-negeri Melayu terkemudian.

Kebangkitan Portugis sebagai kuasa yang kecil dan baru menggantikan sebuah empayar yang disegani di persada antarabangsa akan mengakhiri perbincangan. Penulis akan meneliti sistem-sistem pentadbiran yang dijalankan oleh Portugis sepanjang seratus tiga puluh tahun ketuanan mereka ke atas Peradaban Islam Melaka dan menganalisis secara

ringkas tentang sejauh manakah keberkesanan sistem pentadbiran yang dijalankan. Kegemilangan ini mewujudkan rasa mustahil bahawa sesbuah peradaban agung seperti Peradaban Islam Melaka akan runtuh pada suatu hari nanti. Namun, hakikat sejarah telah membuktikan bahawa ia bukanlah sesuatu yang mustahil.

#### **1.4 TINJAUAN TERHADAP KAJIAN-KAJIAN TERDAHULU**

Hasil kajian penulis, didapati tiada penulisan yang dikaitkan secara langsung dengan tajuk ini. Walau bagaimanapun, artikel yang ditulis oleh Wan Hashim Wan Teh iaitu *Tamadun Melayu dan Pembinaan Tamadun Abad Kedua Puluh Satu*<sup>1</sup>, boleh dikatakan mendekati tajuk kajian ini. Walaupun beliau mengimbas pandangan beberapa sarjana timur dan barat tentang perkembangan dan kejatuhan peradaban dan membicarakan mengenai faktor kekuatan dan kejatuhan tamadun Melayu, namun perbincangannya adalah terhad.

Kajian ini cuba membahagikan hasil-hasil penulisan yang ada kepada tiga kategori, iaitu pertama secara umumnya mengenai Peradaban Islam Melaka, kedua mengenai Portugis, dan ketiga berhubung dengan Ibn Khaldun dan pemikiran-pemikirannya.

*Sejarah Melayu* merupakan sumber asas yang paling bermilai yang terdapat dalam beberapa edisi seperti edisi Shellabear<sup>2</sup> dan A. Samad Ahmad<sup>3</sup> yang mempunyai beberapa perbezaan antara satu dengan yang lain. Adalah menguntungkan sesiapa yang memiliki

<sup>1</sup> Wan Hashim Wan Teh, 1997. ‘Tamadun Melayu dan Pembinaan Tamadun Abad Kedua Puluh Satu’, dlm *Tamadun Melayu Menyongsong Abad Kedua Puluh Satu*, (Ismail Hussein, et al.) , edisi kedua, Bangi : Penerbit UKM.

<sup>2</sup> W.G. Shellabear, (ed), 1992. *Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

<sup>3</sup> A. Samad Ahmad, (pnly), 2000. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, Kuala Lumpur : DBP.

kitab ini kerana ia adalah sumber tempatan yang banyak meriwayatkan kisah-kisah dalaman yang mengakibatkan kelemahan Peradaban Islam Melaka.

Sungguhpun isi *Sejarah Melayu* berbentuk penceritaan, namun jika diamati dari sudut sejarah, ia memaparkan perkembangan dan kejatuhan Peradaban Islam Melaka. Oleh sebab jangka masa antara zaman Kesultanan Islam Melaka dengan tarikh *Sejarah Melayu* disusun tidak jauh, ia boleh dijadikan sumber utama yang melaporkan permulaan, perkembangan, dan kejatuhan Peradaban Islam Melaka pada abad kelima belas dan keenam belas.

Penulis-penulis Eropah turut membantu memperkaya penulisan ilmiah mengenai Peradaban Islam Melaka. *The Suma Oriental of Tome Pires*<sup>4</sup> yang disusun oleh Cortesao umpamanya, memberikan gambaran mengenai sejarah awal penubuhan Peradaban Islam Melaka, wilayah-wilayah sekitarnya, dan sistem pentadbiran Peradaban Islam Melaka. Turut termuat di dalamnya ialah kehadiran dan kegiatan orang-orang Portugis di timur. Ia merupakan hasil tulisan mengenai Peradaban Islam Melaka melalui kaca mata orang Portugis. Selain sumber asas ini, terdapat juga hasil-hasil tulisan penulis-penulis tempatan dan juga Eropah yang menyorot sejarah pengasasan Peradaban Islam Melaka sehinggalah zaman keruntuhannya<sup>5</sup>.

---

<sup>4</sup> A. Cortesao, (ed), 1944. *The Suma Oriental of Tome Pires*, vol. 2, London : Hakluyt Society.

<sup>5</sup> Zainal Abidin b. Abdul Wahid, Khoo Kay Kim & Muhd. Yusof Ibrahim etc., 1992. *Malaysia Warisan dan Perkembangan*, Kuala Lumpur : DBP; Tan Ding Eing, 1975. *A Portrait of Malaysia and Singapore*, Kuala Lumpur : Oxford University Press; Hj Buyong Adil, 1974. *The History of Malacca During The Period of The Malay Sultanate*, Kuala Lumpur : DBP; Joginder Singh Jessey, 1978. *Sejarah Asia Tenggara 1500-1945*, Kuala Lumpur : Longman Malaysia Sdn. Bhd.; J. Kennedy, 1970. *A History of Malaya*, London : Macmillan and Co. Ltd. dan C.M. Turnbull, 1980. *A Short History of Malaysia, Singapore and Brunei*, Singapore : Graham Brash Ltd.

Bagi artikel-artikel yang dimuatkan di dalam jurnal-jurnal, sumbangan Wilkinson<sup>6</sup> tidak boleh dikesampingkan. Artikel bertajuk *A History of Malaya* ini mengemukakan peristiwa-peristiwa penting mengikut kronologi sepanjang pemerintahan Peradaban Islam Melaka sehingga sistem pentadbiran dan perdagangan Portugis. Manakala, artikel bertajuk *An Examination of The Fall of Melaka in 1511*, oleh McRoberts<sup>7</sup> adalah relevan bagi kajian ini. Beliau menyifatkan kelemahan pemerintahan Sultan Mahmud Syah sebagai penyebab paling utama kejatuhan tersebut. Beliau turut mengemukakan satu pandangan baru yang berbeza sedikit daripada kebanyakan tulisan terdahulu yang menyifatkan kelemahan persenjataan Peradaban Islam Melaka. Menurutnya, persenjataan Peradaban Islam Melaka ketika menentang Portugis agak canggih iaitu terdiri daripada lapan ribu alat persenjataan, termasuk meriam-meriam yang diimport.

Kategori kedua yang juga relevan bagi kajian ini, secara umumnya menyentuh tentang kebangkitan kuasa Portugis di Melaka. Hasil-hasil tulisan yang mempunyai perkaitan dengan kajian ini dilakukan oleh Macgregor<sup>8</sup>, Sar Desai<sup>9</sup>, Teixeira<sup>10</sup> dan Boxer<sup>11</sup>.

Macgregor, dalam artikelnya, *Notes on The Portuguese in Malaya*, mengimbasi sistem-sistem pentadbiran yang dijalankan di Melaka sepanjang kekuasaan Portugis yang merangkumi pentadbiran politik, perdagangan, dan agama. Turut disentuh ialah permasalahan-permasalahan yang wujud dalam pelaksanaan sistem-sistem yang telah

<sup>6</sup> R.J. Wilkinson, 1955. "A History of Malaya", *JMBRAS*, 28:II , May 1955.

<sup>7</sup> R.W. McRoberts, 1984. "An Examination of the Fall of Melaka in 1511", *JMBRAS*, 57:I, June 1984.

<sup>8</sup> I.A. Macgregor, 1955. "Notes on the Portuguese in Malaya", *JMBRAS*, 28:II, May 1955.

<sup>9</sup> D.R. Sar Desai, 1968. *The Portuguese Administration in Malacca 1511-1641*, International Conference on Asian History.

<sup>10</sup> Manuel Teixeira, 1986. *The Portuguese Missions in Malacca and Singapore*, Macau : Instituto Cultural De Macau.

<sup>11</sup> C.R. Boxer, 1969. *Four Centuries of Portuguese Expansion 1415-1825 A Succinct Survey*, Johannesburg : Witwatersrand Univ. Press.

dirancang. Sebuah kajian yang menarik mengenai perkara yang sama turut dikemukakan oleh Sar Desai, dalam kertas kerjanya *The Administration in Malacca 1511-1641*.

Teixeira pula meneliti sejarah Melaka sebelum kedatangan Portugis sehinggalah pentadbiran Portugis di Melaka. Penekanan diberikan terhadap institusi keagamaan dengan peranan gereja Melaka dalam pelbagai lapangan. Buku *Four Centuries of Portuguese Expansion 1415-1825*, karangan Boxer merupakan teks siri syarahan perdananya ketika menjadi Profesor pelawat di Institut Pengajian Portugis Ernest Oppenheimer. Ia merupakan tinjauan terhadap peristiwa-peristiwa yang menunjukkan kekejaman pihak Portugis terhadap orang-orang Islam. Penulis juga mengetengahkan metod yang digunakan dalam penyebaran agama Kristian di timur.

Satu lagi hasil penulisan yang amat bernilai yang ditulis oleh seorang penulis Asia ialah *Asia and Western Dominance*. Panikkar<sup>12</sup> mengemukakan satu bentuk pemahaman mengenai era penjelajahan dan penjajahan Eropah. Beliau kemudiannya mentelusuri aktiviti-aktiviti orang-orang Eropah di Asia selama empat ratus lima puluh tahun iaitu bermula daripada kedatangan Vasco Da Gama di Calicut, India pada tahun 1498 sehingga pengunduran Inggeris pada tahun 1947 dari India. Sebahagian besar isi buku ini tertumpu kepada sejarah kristianisasi di Asia dan merakamkan kegagalan usaha-usaha yang dijalankan.

---

<sup>12</sup> K.M. Panikkar, 1993. *Asia and Western Dominance*, Kuala Lumpur : The Other Press.

Selain itu, terdapat juga artikel-artikel dan kertas-kertas kerja yang ditulis oleh penulis-penulis tempatan: Antaranya tulisan Yahaya Abu Bakar<sup>13</sup> iaitu, *Sumber Portugis Mengenai Melaka Politik T.M. 1511-1641 : Suatu Tinjauan Mengenai Politik, Pentadbiran dan Perbalahan Kuasa di Selat Melaka* telah berjaya memperjelas minat dan kesungguhan orang-orang Portugis menjajah Melaka. Turut dibincangkan bentuk-bentuk pentadbiran dan permasalahan yang timbul sepanjang pertuanan mereka ke atas Peradaban Islam Melaka.

Bagi kategori ketiga, sumber utama yang memperkata mengenai idea-idea Ibn Khaldun ialah *Muqaddimah*. Dalam kajian ini, penulis menggunakan *The Muqaddimah* oleh Rosenthal<sup>14</sup> yang diterima pakai secara meluas. Buku ini secara keseluruhannya memperkatakan mengenai sains peradaban manusia yang bermula dengan peradaban manusia secara umum, diikuti dengan asas-asas perkembangan peradaban, dan seterusnya faktor-faktor yang menyumbang ke arah kejatuhan peradaban. Beliau menjelaskan bahawa kemuncak peradaban akan melahirkan golongan yang mengamalkan rasuah. Ibn Khaldun menyatakan bahawa golongan terlampaui mewah kehidupannya menyebabkan pegangan agama menjadi lemah. Manusia akan menjadi hamba kepada kekuasaan dan kemewahan. Persoalan moraliti, salah laku dan ketidakadilan juga dipaparkan oleh Ibn Khaldun dalam masyarakat yang mementingkan kemewahan hidup dan amalan. Konsep terpenting yang telah diketengahkan ialah *al-'asabiyyah*, *'umran badawi*, *'umran hadari*, dan beberapa konsep lagi.

<sup>13</sup> Yahaya Abu Bakar, 1989. "Sumber Portugis Mengenai Melaka T.M. 1511-1641 : Suatu Tinjauan Mengenai Politik, Pentadbiran dan Perbalahan Kuasa di Selat Melaka", dlm *Esei-esei Budaya dan Sejarah Melaka*, (pnyl Omar Farouk Bajunid), Kuala Lumpur : Asrama Za'ba Universiti Malaya.

<sup>14</sup> Franz Rosenthal, (trans), 1958. *Ibn Khaldun : The Muqaddimah : An Introduction of History*, (Bollingen Series XLIII), 3 vols., New Jersey : Princeton University Press & New York : Pantheon Books.

Satu lagi hasil penulisan yang relevan bagi kajian ini ialah disertasi PhD oleh al-Mudamgha<sup>15</sup>, *Ibn Khaldun's Socio-Historical Theory – A Study in the History of Ideas*.

Kajian yang memberikan tumpuan terhadap sejarah pemikiran Ibn Khaldun ini berjaya memberikan gambaran yang jelas mengenai kelahiran dan perkembangan sesebuah masyarakat, kebudayaan dan negara. Turut dibincangkan ialah perbezaan antara '*umran badawi*' dan '*umran hadari*' dan persoalan kejatuhan sesebuah negara dan peradaban.

Firzly<sup>16</sup>, dalam disertasi PhD yang bertajuk *Ibn Khaldun : A Socio-Economic Study*, turut mendekati sistem pemikiran Ibn Khaldun dari aspek ekonomi. Penekanan diberikan kepada rukun penting dalam pemikiran beliau, iaitu '*umran*' yang dilihat dari sudut ekonomi. Beliau juga meneliti konsep '*asabiyah*' dengan mendalam. Menurutnya, proses '*umran*' merupakan perpindahan daripada memenuhi keperluan asas kepada kemewahan dan keselesaan. Manakala, '*asabiyah*' pula adalah sesuatu yang lahir di atas asas pertalian darah dan ikatan kekeluargaan. Ia juga merupakan daya penggerak kepada sesebuah peradaban.

Satu lagi usaha yang perlu diberikan perhatian ialah koleksi esei *Pemikiran Ibn Khaldun*<sup>17</sup> yang pada asalnya merupakan kertas-kertas kerja Wacana Pemikiran Islam ke-V, anjuran Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia. Koleksi esei ini merupakan usaha mengenangkan semula idea-idea beliau yang dikupas dalam pelbagai dimensi pandangan dan pengolahan oleh para ilmuan tempatan termasuk pemikirannya terhadap Ilmu, Tasawwuf, Metafizik, perancangan bandar, peranan agama dan konsep

<sup>15</sup> Al-Mudamgha Anwar Ameen, 1971. *Ibn Khaldun's Socio-Historical Theory : A Study In The History of Ideas*, PhD Thesis, Syracuse University.

<sup>16</sup> George Firzly, 1973. *Ibn Khaldun : A Socio-Economic Study*, PhD Thesis, University of Utah.

<sup>17</sup> Kamaruddin Salleh & Ahmad Sunawari Long, (ed), 1998. *Pemikiran Ibn Khaldun*, Bangi : UKM.

'asabiyyah. Selain itu, terdapat juga beberapa buah artikel yang termuat dalam beberapa buah jurnal<sup>18</sup>.

Hasil pemerhatian dan penelitian terhadap penulisan-penulisan di atas menunjukkan bahawa walaupun telah banyak kajian dilakukan mengenai Peradaban Islam Melaka, Portugis dan pemikiran-pemikiran Ibn Khaldun dilakukan tetapi belum ada lagi kajian secara langsung dan menyeluruh dilakukan mengenai kejatuhan Peradaban Islam Melaka dan kebangkitan kuasa Portugis menerusi pendekatan peradaban, khususnya berdasarkan teori '*umran* Ibn Khaldun.

## 1.5 METODOLOGI KAJIAN

Analisis tentang pengkajian peradaban ini akan mendalami sudut teori, tahap perkembangan dan kejatuhan peradaban yang diperkatakan oleh Ibn Khaldun. Penulis akan cuba menganalisis kejatuhan Peradaban Islam Melaka berdasarkan teori ini.

Dalam kajian ini penulis akan menggunakan teks *Sejarah Melayu* edisi A. Samad Ahmad dan edisi Shellabear. Kedua-dua teks relevan dan merupakan sumber tempatan yang banyak meriwayatkan kisah-kisah dalaman yang mengakibatkan kelemahan Peradaban Islam Melaka. Sebagai tambahan kepada sumber asas di atas, penulis juga menggunakan karya-karya historiografi Melayu tradisional yang lain, seperti *Kisah Pelayaran Abdullah*, *Hikayat Raja-Raja Pasai* dan *Tuhfat al-Nafis*.

---

<sup>18</sup> H.K. Sherwani, 1970. "Ibn Khaldun and His Politico-Economic Thought", *Islamic Culture*, 44:II dan Mi'raj Muhammad, 1980. "Ibn Khaldun and Vico A Comparative Study", *Islamic Studies*, 19:III.

Penulis juga tidak ketinggalan menggunakan sumber-sumber yang ditulis oleh orang Eropah, umpamanya tulisan Tome Pires dan Alfonso de Albuquerque, sumber China seperti tulisan Ma Huan, dan sumber Arab. Selain itu, warkah Ruy de Aroujo yang diperoleh dari Arkib Negara Malaysia juga akan memperlengkap lagi penulisan ini.

Sumber-sumber sekunder termasuklah hasil-hasil penulisan yang dibukukan atau dimuatkan di dalam jurnal-jurnal Kertas-kertas kerja seminar dan maklumat-maklumat daripada internet turut digunakan. Berdasarkan sumber-sumber atau bahan-bahan yang digunakan bagi tujuan pengumpulan data-data, jelas menunjukkan bahawa kajian ini menggunakan metod penyelidikan perpustakaan.

Memandangkan beberapa konsep yang diperkenalkan oleh Ibn Khaldun seperti '*umran*', '*umran badawi*', '*umran hadari*', dan '*asabiyyah*' adalah sangat kompleks, penulis akan mengekalkan penggunaan istilah-istilah ini tanpa menterjemahkannya agar tidak menjelaskan maksud asal istilah-istilah tersebut. Penulis juga turut mengekalkan beberapa istilah Portugis seperti *fortaleza*, *regimento*, *chaplain*, *fidalgo*, *cruzados*, dan beberapa istilah mata wang Portugis yang lain.

## 1.6 SISTEMATIKA KAJIAN

Dalam bab **Pendahuluan**, penulis telah menjelaskan mengenai latar belakang dan permasalahan kajian, pernyataan masalah, kepentingan kajian, tumpuan kajian, tinjauan terhadap kajian-kajian terdahulu dan metodologi yang digunakan dalam kajian ini.

**Bab Pertama** kajian ini akan membincangkan pengenalan ilmu ketamadunan dengan tumpuan diberikan kepada pelbagai bentuk pentakrifan yang dikemukakan dalam bahasa Melayu, Arab dan Inggeris. Tinjauan secara sepantas lalu juga dibuat terhadap teori-teori yang dikemukakan oleh para sarjana Muslim dan barat mengenai perkembangan dan kejatuhan peradaban manusia iaitu teori kitaran, teori linear dan teori alunan. Bab pertama ini turut membincangkan teori-teori yang dikemukakan mengenai kedatangan Islam ke wilayah-wilayah Nusantara dan seterusnya kemunculan beberapa buah pusat peradaban Islam di alam Melayu.

**Bab Kedua** menumpukan perbincangan terhadap teori '*umran*' Ibn Khaldun. Bab ini meliputi sedikit ulasan mengenai riwayat hidup beliau, takrif '*umran*', dan konsep serta tahap-tahap perkembangan '*umran*'. Penekanan diberikan kepada pandangan yang diutarakan beliau terhadap faktor-faktor yang membawa keruntuhan peradaban kerana paling relevan bagi kajian ini. Faktor-faktor tersebut dibahagikan kepada dua, iaitu dalaman dan luaran.

**Bab Ketiga** pula membicarakan faktor-faktor yang menyebabkan kemerosotan seterusnya kejatuhan Peradaban Islam Melaka. Penulis membahagikan perbincangan kepada dua bahagian, iaitu faktor-faktor dalaman dan luaran.

**Bab Keempat** pula mengetengahkan kebangkitan kuasa Portugis yang menggantikan Peradaban Islam Melaka. Selain membincangkan faktor-faktor yang mendorong pihak Portugis ke timur, penulis turut mendalami struktur-struktur pentadbiran Portugis di Melaka dan sejauh manakah keberkesanan sistem pentadbiran yang dijalankan.

Dalam bab **rumusan dan kesimpulan**, penulis telah mengetengahkan keselarasan penegasan di antara ayat-ayat al-Quran dan realiti sejarah berkaitan bangun jatuhnya peradaban manusia. Penulis juga mengesahkan kebenaran teori yang diketengahkan oleh Ibn Khaldun yang boleh diaplikasikan terhadap perkembangan dan kejatuhan peradaban-peradaban dunia.

## 1.7 PENUTUP

Kajian ini merupakan satu usaha untuk mengambil iktibar di sebalik kejatuhan Peradaban Islam Melaka supaya dapat dijadikan panduan serta pedoman agar kerosakan dan salah laku sebegini tidak akan berulang kembali. Sesungguhnya bangun jatuhnya peradaban manusia ditentukan dan dikawal oleh undang-undang Allah S.W.T. yang mentadbir alam ini. Memang menjadikehendak Allah S.W.T. agar dunia ini ditadbir mengikut kaedah yang benar. Sumber galian dan hasil kekayaan negara harus dikendalikan dengan sebaik-baiknya. Sebarang bentuk penindasan, kezaliman, dan kemungkaran adalah dilarang keras. Merujuk Peradaban Islam Melaka, Allah S.W.T. telah membuka peluang kepada mereka untuk memerintah berdasarkan kebolehan dan kredibiliti yang ada. Namun, kekuasaan dan kemewahan yang dikecapi telah melalaikan mereka. Peradaban Islam Melaka yang gemilang di persada antarabangsa satu ketika dahulu akhirnya runtuh.